

Kerajaan akan belanja \$438,000 untuk baik pulih rumah kelahiran Mahathir sebagai muzium

ALUR SETAR 26 April — Kerajaan akan membelanjakan sebanyak \$438,000 bagi membaik pulih rumah kelahiran Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam usaha menjadikannya sebuah muzium.

Ketua Pengarah Arkib Negara, Dato' Zakiah Hanum berkata, dari jumlah itu sebanyak \$240,000 dibelanjakan bagi memulih semula rumah tersebut manakala baki-nya adalah kos pembelian tanah yang terletak di sebelah rumah berkenaan.

"Kerja-kerja membaik pulih rumah kampung itu akan dimulakan sedikit masa lagi dan dijangka siap pada penghujung tahun ini," katanya sele-

pas. Ia diadakan di rumah keluarga yasin dan tahlil di rumah tersebut di Lorong Kilang Ais di sini hari ini.

Turut hadir di majlis itu bersama lebih 100 orang tetamu ialah kakak dan abang Perdana Menteri, Hajah Rafeah dan Haji Mashahor serta saudara maranya.

Berusia

Menurut Ketua Pengarah itu lagi, apabila siap kelak rumah yang berusia lebih 90 tahun itu akan dilengkapi dengan gambar-gambar Perdana Menteri sejak masih kecil sehingga menjadi tokoh negara yang disegani.

Kata Zakiah, inilah rumah

kampung yang kedua dibangun dan dipulihkan oleh Arkib Negara selepas rumah Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P. Ramlee di Pulau Pinang.

Menurutnya, Arkib Negara akan terus mengumpul dan memaparkan khazanah-khazanah lama tokoh negara bagi membolehkan orang ramai melihat sendiri sejarah hidup tokoh-tokoh negara itu berjaya.

Sementara itu, kakak Perdana Menteri, Rafeah yang ditemui berkata, beliau mengalu-alukan langkah Arkib Negara untuk memulihkan rumah pusaka kepunyaan ayahnya kerana setakat ini tidak ada waris yang tinggal di rumah itu.

Abang Dr. Mahathir, Mashahor pula berkata, usaha yang dibuat oleh Arkib Negara adalah amat baik malah beliau berasa kagum dengan hasrat itu yang sekurang-kurangnya sejarah keluarganya dapat dipaparkan.

Mashahor memberitahu, rumah tersebut banyak mengandungi sejarah terutama pada zaman pemerintahan Malayan Union kerana rumah tersebut pernah dijadikan tempat mengumpul dan menampal poster ketika menentang Inggeris.

"Saya gembira dengan usaha yang dibuat oleh Arkib Negara kerana dengan adanya muzium seperti ini dapatlah kami melihat semula sejarah keluarga kami," ujarnya.